



Hakisan makin hampiri jalan



Pantai terjejas saban tahun, alat pemecah ombak yang ada dikatakan tidak mampu halang hakisan

■ NURUL ZAILA MOHD TAHIR

DUNGUN - Pesisir pantai yang luas di sekitar daerah ini menjadi destinasi pilihan penduduk sekitar untuk bersantai ketika waktu lapang, selain turut dijadikan sebagai tarikan pelancong.

Bagaimanapun, masalah hakisan dilihat semakin membimbangkan dan jika tidak ditangani segera, aset yang ada dikhuatiri akan hilang selain boleh membahayakan keselamatan pengunjung.

Penduduk, Shamsul Baharin Mahmud, 37, berkata, masalah hakisan semakin teruk saban tahun dan walaupun keadaan masih terkawal serta pelbagai langkah diambil kerajaan untuk menanganinya, namun penduduk masih bimbang kerana jarak hakisan semakin menghampiri jalan.

Malah katanya, dua tahun lalu, jalan utama di pantai Teluk Lipat turut pecah akibat dipukul ombak.

"Saya tinggal di sini sejak 30 tahun lalu dan boleh lihat perubahan yang berlaku di pesisir pantai disebabkan hakisan. Mungkin lebih satu kilometer



Masalah hakisan turut menyebabkan pokok tumbang.

sudah terhakis dan semakin dekat dengan jalan. Misalnya di pantai Teluk Lipat, ia sudah hakis jalan raya.

"Lebih kurang dua tahun lalu, jadi hakisan teruk akibat ombak besar dan dalam tempoh setahun, dianggarkan 50 hingga 100 meter hakisan di pinggir pantai. Ada satu tiang yang dahulunya berada di darat, tetapi sekarang berada di

dalam laut," katanya.

Perlu benteng lebih kukuh

Shamsul Baharin berkata, alat pemecah ombak yang ada sekarang dipercayai tidak berkesan dan tidak mampu menghalang hakisan.

Justeru katanya, dia harap pihak bertanggungjawab dapat membina benteng yang le-

bih kukuh bagi mengelakkan masalah sama terus berulang.

"Kena bina benteng yang kukuh atau tembok batu memanjang di sepanjang pesisir pantai terutama di kawasan ombak kuat. Masalah ini amat membimbangkan penduduk dan kalau tidak dibendung segera, keadaan akan semakin parah," katanya.

Teluk Batik, Teluk Gadung teruk terhakis

Pengunjung, Yahya Isa, 56, turut meluahkan kebimbangan kerana masalah hakisan pantai di daerah ini dilihat semakin serius dari tahun ke tahun.

Menurutnya, pantai yang paling ketara terhakis ialah Teluk Batik dan sekitar Teluk Gadung berhampiran Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"Hakisan ini boleh membahayakan orang ramai sebab turut menyebabkan pesisir pantai jadi bercerun, jadi masalah ini perlu ditangani segera bagi mengelakkan kejadian buruk berlaku.

"Contohnya, di sekitar Teluk Lipat sudah ditambak batu dan langkah ini mampu kurangkan hakisan. Di kawasan lain pun kena bina benteng sama sebab hakisan tidak akan berkurang kalau dibiarkan begitu sahaja. Langkah pencegahan ini lebih baik demi keselamatan pengunjung," katanya.

Bagi peniaga yang mahu dikenali sebagai Asmah, 50,



YAHYA

berkata, masalah hakisan akan semakin teruk apabila tiba musim tengkujuh atau monsun timur laut.

"Masa musim tengkujuh, hakisan mudah berlaku dan memang membahayakan. Kalau sebut Teluk Lipat, memang terkenal dengan kawasan hakisan, tetapi kawasan pesisir pantai di sekitarnya masih terkawal.

"Tapi, pantai di sekitar Teluk Lipat lebih sesuai untuk dikunjungi sebab lebih landai, berbanding sekitar Teluk Gadung yang pesisirnya kurang dan tebingnya lebih tinggi," katanya.

Mahu tindakan berkesan

Sementara itu, Ahli Parlimen Dungun, Wan Hassan Mohd Ramli berkata, semua pihak sedia maklum



SHAMSUL BAHARIN

mengenai masalah hakisan yang berlaku di pesisir pantai sekitar Dungun.

Menurutnya, ada pihak yang sudah mengambil tindakan sewajarnya, bagaimanapun langkah dilaksanakan itu diharapkan berbaloi serta mampu menangani masalah tersebut.


"Ada kawasan pantai yang ditambah dengan baik dan berjaya halang hakisan walaupun menggunakan kos tidak terlalu tinggi. Tapi, ada juga projek besar yang menelan belanja tinggi, tetapi dilihat kurang memberangsangkan serta tidak berbaloi.

"Oleh itu, pihak berkaitan perlu buat kajian terperinci untuk mencari langkah terbaik supaya tidak mendatangkan kerugian, sekali gus membawa manfaat kepada masyarakat," katanya.

Benteng batu di sekitar Teluk Lipat dipercayai dapat menghalang hakisan.



Hakisan yang berlaku saban tahun menyebabkan pantai semakin menghampiri jalan.



Jika benteng dibina tidak kukuh, masalah hakisan akan terus berlaku di pesisir pantai sekitar Dungun.

Punggah ikan guna motosikal



Jalan runtuh sukarkan nelayan Kemasik ke pangkalan bot, ada antara mereka terpaksa darat ikan di Kerteh

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN — Masalah hakisan pantai di daerah ini yang semakin serius terutama pada musim tengkujuh, bukan sahaja menyebabkan banyak rumah di pantai Kampung Geliga Baru musnah dipukul ombak, malahan turut menyukarkan nelayan di sekitar Kemasik untuk turun ke laut.

Kejadian itu turut menyebabkan satu-satunya jalan sepanjang lebih kurang 20 meter untuk ke pangkalan bot di Kampung Tanjung, Kuala Kemasik, runtuh setelah dipukul ombak besar setinggi lima meter akibat fenomena air laut pasang besar pada 21 Disember tahun lalu.

Kejadian itu ibarat dugaan bertimpa buat lebih kurang 200 nelayan pesisir pantai yang meletakkan bot di muka kuala kampung berkenaan kerana baru sahaja jalan lencongan



RAZALI

bertar lebih kurang 100 meter siap setelah berlaku runtuhan pada tahun sebelumnya (2013), runtuhan lain pula berlaku.

Terpaksa daratkan ikan di Kerteh

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kemasik, Abdul Ghani Ismail atau lebih dikenali sebagai Pok Ya berkata, sejak jalan sepanjang 20 meter itu runtuh, ada antara nelayan



MOHD NONG

Kemasik terpaksa mendaratkan ikan di Kerteh.

Bagaimanapun katanya, bukan semua nelayan Kemasik boleh mendaratkan ikan di Kerteh disebabkan jaraknya yang jauh dari rumah mereka.

"Bagi mereka yang masih mendaratkan ikan di pantai Kampung Tanjung, Kuala Kemasik, mereka terpaksa memungkah hasil tangkapan dengan motosikal untuk ke bangsal ikan yang dibina sebelum jalan runtuh.

"Motosikal masih boleh lalu kawasan tepi jalan yang runtuh. Jadi kalau dapat banyak hasil tangkapan, banyak kalilah nelayan terpaksa punggah hasil tangkapan sehingga membuatkan kos juga meningkat untuk petrol dan beg plastik," katanya.

Menurutnya yang sudah 45 tahun bergelar nelayan, ikan yang didaratkan nelayan Kemasik adalah untuk pasaran di sekitar pekan Kemasik, Air Jerneh dan Kampung Semayor kerana peraih dari ketiga-tiga kawasan itu yang da-



ABDUL GHANI

tang membeli ikan di Kampung Tanjung.

Sukar pantau bot fiber

Sementara itu Pok Ya berkata, sebelum ini ada antara nelayan yang meletakkan bot di pesisir pantai berdekatan bangsal ikan bagi membolehkan mereka memantau bot fiber masing-masing.

Bagaimanapun katanya, akibat jalan runtuh ia sekali gus menyukarkan nelayan memantau bot fiber masing-masing pada waktu malam bagi mengelakkan berlaku kecurian petrol dan peralatan menangkap ikan.

"Dua bot fiber yang diletakkan di kawasan itu tenggelam setelah berlaku ribut akibat tiupan angin Tenggara dan ombak besar, beberapa bulan lalu," katanya.

Seorang daripada mangsa bot tenggelam, Mohd Nong Yunus, 54, berkata, dia menyedari botnya tenggelam ketika mahu turun ke laut untuk menangkap ikan dan terpaksa meminta pertolongan nelayan

lain untuk menarik botnya ke darat.

Akibat kejadian itu, dia menanggung kerugian lebih RM1,000 kerana pukat dan tong hilang dihanyutkan ombak, selain terpaksa menyalenggarakan semula enjin bot yang tenggelam.

"Kalau nak letak bot dekat pangkalan, takut petrol dalam enjin dicuri sebab sudah berbelas kali petrol dicuri apabila saya letakkan bot di tempat biasa. Pencuri sanggup sedut petrol dari dalam enjin, malah petrol diisi dalam botol yang dirantai dan dikunci turut disedut.

"Jadi, saya ambil risiko letak di pesisir pantai belakang bangsal, tapi bot pula terbalik dipukul ribut," katanya.

Harap segerakan bina jalan baharu

Sementara itu, Razali Ismail, 54, yang berpengalaman sebagai nelayan selama 18

tahun, mengakui lega apabila dimaklumkan kerajaan negeri akan membina jalan baharu bagi menggantikan jalan yang runtuh itu.

"Saya dan semua nelayan di sini sangat gembira sebab kerajaan negeri bakal buat jalan baharu berdekatan tebing sungai. Langkah ini boleh pastikan jalan itu nanti bertahan lama sebab kalau bina berdekatan jalan sedia ada, ia berpotensi untuk runtuh lagi.

"Cuma buat masa terdekat ini, demi kemudahan nelayan, harap jalan baharu dapat dibina segera. Kalau tak sempat turap dengan tar, letak tanah merah dan batu kisaran dahulu pun tak apa," katanya.

Masalah hakisan di sepanjang Kuala Kemasik dikatakan kritikal sejak 10 tahun kebelakangan ini menyebabkan kerajaan turut membuat ben-teng menggunakan batu konkrit bagi mengelakkan hakisan semakin teruk.



Abdul Ghani menunjukkan kesan runtuhan jalan akibat hakisan pantai di Kampung Tanjung.



Beginilah keadaan rumah yang musnah dipukul ombak besar di Kampung Geliga Baru pada 22 Disember tahun lalu.



Keadaan jalannya yang runtuh menyukarkan nelayan kemuka kuala untuk meletakkan bot fiber masing-masing.



Jalan sepanjang 20 meter ini runtuh akibat dipukul ombak besar dalam kejadian pada 21 Disember tahun lalu.